



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

DITERBITKAN
SEJAK
2002


BERITA

GERBANG INOVASI | KUALITI | PRODUKTIVITI

SUKU TAHUN (3/2021)



MYZOOTAIPIING: PLATFORM DALAM TALIAN ZOO PERTAMA DI ASIA - KERJASAMA INOVATIF ECOMY DAN ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI, MAJLIS PERBANDARAN TAIPING



17 SEPTEMBER 2021: Persatuan Eko-Pelancongan dan Konservasi Malaysia (ECOMY) bersama Majlis Perbandaran Taiping (MPT) memeterai perjanjian bagi penubuhan sebuah platform dalam talian zoo pertama di Asia, 'MyZooTaiping'. MPT diwakili YBrs Tuan Khairul Amir bin Mohamad Zubir, Yang Dipertua MPT manakala ECOMY yang diwakili oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif ECOMY, Encik Andrew Sebastian menandatangani perjanjian tersebut secara dalam talian hari ini. MyZooTaiping' adalah satu platform inovasi baharu yang mana Zoo Taiping & Night Safari boleh dibuka kepada pelawat 24 jam secara dalam talian, tidak kira dimana mereka berada asalkan mereka mempunyai rangkaian internet. Platform 'MyZooTaiping', yang dijangkakan akan dilancarkan secara rasmi pada bulan Oktober 2021 bakal memberi maklumat yang lebih daripada melawati zoo dengan menawarkan empat komponen utama iaitu Lawatan Berpandu secara maya, MyZooTaiping TV, Forum Zoologi, acara & aktiviti.

Turut hadir bersama Ahli Majlis MPT, YBrs Tuan Haji Faisal bin Mohd Hanafiah dan Pengarah Jabatan Zoo, Tuan Dr. Kevin Lazarus.



LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH JABATAN LANDSKAP NEGARA (JLN) KE TAPAK CADANGAN TAMAN AWAM KAMUNTING

3 SEPTEMBER 2021 - Ketua Pengarah, Jabatan Landskap Negara (JLN), YBrs Hajah Rotina binti Mohd Daik mengadakan lawatan kerja di tapak cadangan Taman Awam Kamunting pada petang ini bagi meninjau status pelaksanaan projek cadangan pembangunan Taman Awam Kamunting. Projek Pembangunan Taman Awam Kamunting adalah merupakan taman awam yang dibangunkan oleh Jabatan Landskap Negara (JLN) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Taiping (MPT). Projek ini adalah bertujuan menyediakan kawasan rekreasi awam bagi menggalakkan gaya hidup sihat masyarakat setempat. Lokasi projek terletak di Mukim Kamunting, Daerah Larut Matang dengan keluasan keseluruhan tapak adalah 32.26 ekar manakala 14.20 ekar yang terlibat dengan cadangan pembangunan. Tapak ini telah dirizabkan sebagai Tapak Kawasan Lapang dan Rekreasi yang dikawal selia oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan diselenggarakan oleh MPT. Projek yang menelan kos sebanyak RM13 juta diperuntukkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui JLN. Pelantikan kontraktor telah dibuat dan kerja-kerja awalan telah bermula di tapak mengikut Standard Operasi Prosedur (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).



Projek pembangunan telah bermula 15 Jun 2021 dan dijangka siap pada 6 Mac 2023. Turut hadir bersama Setiausaha Perbandaran MPT, Encik Kamaruzzaman bin Kamari, Pengarah Perancang dan Pembangunan Bandar, TPr. Syahrulnizam bin Baharom, Pengarah Kejuruteraan, Tuan Haji Mohd Yusoff bin Haji Caroshau, Ketua Bahagian Landskap, Encik Mior Rosli bin Abdullah dan wakil perunding dari NMSA Landscape Design.



KEMPEN PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E-WASTE) SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA PERINGKAT NEGERI PERAK

27 SEPTEMBER 2021 - Majlis Perbandaran Taiping (MPT) dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Cawangan Taiping sedang melaksanakan Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (E-Waste) sempena Hari Alam Sekitar Negara peringkat negeri Perak 2021 bermula 10 September 2021 hingga 21 Oktober 2021.

E-Waste adalah sisa buangan yang terdiri daripada elektrik dan elektronik, dimana jika tidak diuruskan secara sistematik atau dibakar, ianya berpotensi mengeluarkan gas berbahaya yang boleh mengakibatkan kemusnahan alam dan memudaratkan kesihatan. Contoh barang E-Waste adalah Television, Alat Penghawa Dingin, Peti Ais, Komputer Riba dan Pencetak. Sebanyak enam (6) lokasi telah dikenalpasti bagi Kempen Pengumpulan Barangan E-Waste MPT dan JAS Cawangan Taiping bermula 9.00 pagi hingga 11.00 pagi iaitu:



- Dewan Astaka Batu Kurau (2 Oktober 2021)
- Dewan Orang Ramai Taman Aun Say (3 Oktober 2021)
- Dewan Pekerti, Trong (9 Oktober 2021)
- Stesen Bas Kamunting (10 Oktober 2021)
- Dewan 1001, Pekan Matang (16 Oktober 2021)
- Dewan MPT Taiping (17 Oktober 2021)

SAMBUTAN HARI PERBANDARAN



Bersama
Hentikan
Wabak
Covid-19

**SELAMAT HARI PERBANDARAN KE-42
MAJLIS PERBANDARAN TAIPING
1 SEPTEMBER 2021**

daripada :

**Yang Dipertua,
Ahli-ahli Majlis dan**

Warga Majlis Perbandaran Taiping

#kitajagakita #kitamestimenang #cegahcovid19

PANDUAN MENGURUS SAMPAH DENGAN BETUL



Bersempena dengan World Cleanup Day 2021, ayuh kita urus sampah dengan cara betul.

- ✓ Sediakan tong sampah di depan rumah dan premis.
- ✓ Sampah hendaklah dimasukkan dalam plastik dan diikat kemas.
- ✓ Pastikan tong sampah ditutup dengan rapi.

Jangan lakukan ini !!

- ✗ Buang sampah dalam longkang, parit dan sungai.
- ✗ Gantung sampah di pokok, tiang elektrik atau pagar rumah.
- ✗ Buang di tepi jalan.

Kebersihan adalah tanggungjawab bersama dan tidak boleh diserahkan sepenuhnya kepada MPT. Bersama-sama kita menjaga kebersihan dan kelestarian alam sekitar.

25 SEPTEMBER 2021 - Majlis Perbandaran Taiping (MPT) melalui Program Inisiatif Komuniti (PINK) dengan kerjasama Junior Chamber International (JCI) Taiping telah kembali melaksanakan Program JOM RECYCLE di Galeri Perbandaran Taiping. Program ini telah dihadiri oleh Clr Encik Chong Jia Jien dan Clr. Puan Nurul Aziera binti Mazlan, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Taiping, Dato' Haji Zuhuri bin Ahmad, Pengerusi Persatuan Pelancongan Taiping dan Lee Siew Chin, Presiden JCI Taiping. Program yang bermula jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi ini telah menerima lebih 80 penyertaan daripada orang ramai dari sekitar Taiping dengan berat bahan kitar semula yang berjaya dikumpulkan adalah berjumlah 1866.5 kg. Program ini akan diadakan pada hari Sabtu minggu terakhir setiap bulan pada masa dan tempat yang sama. Bersama-sama kita menjaga kelestarian alam sekitar.

**JOM RECYCLE
PANDU LALU**

KATA - KATA PROFESOR UNGKU AZIZ

- | | |
|----------------------------------|-----------------|
| 1. RAJIN BERCAKAP, RAJIN BEKERJA | • BAGUS SEKALI |
| 2. RAJIN BEKERJA, MALAS BERCAKAP | • KENA BULI |
| 3. MALAS KERJA, RAJIN BERCAKAP | • WAYANG CINA |
| 4. MALAS BEKERJA, MALAS BERCAKAP | • TAK GUNA |
| 5. MALAS BEKERJA, SUKA MENGADU | • NYANYUK |
| 6. MALAS BEKERJA, SELALU PONTENG | • BAIK BERHENTI |
| 7. MALAS BEKERJA, SUKA MENYIBUK | • BAIK MATI |



Diterbitkan oleh : Bahagian Kualiti
Editor : Tuan Haji Norazlani b. Hamadudin
Urusetia : Encik Muhamad Sufishahiran
Cik Puteri Fazira Syawati